

28 DISEMBER 2017

Warga Australia bebas tali gantung

Ibu tiga anak dilepaskan daripada pertuduhan edar syabu seberat 1.5kg tiga tahun lalu Warga Australia bebas tali gantung

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seorang ibu anak tiga warga Australia mendapat peluang kedua apabila dibebaskan daripada hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya jenis syabu seberat 1.5 kilogram (kg), tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Ghazali Cha memutuskan demikian setelah pihak pembelaan berjaya membuktikan keraguan munasabah terhadap pertuduhan dihadapi oleh Maria Elvira Pinto Exposto, 54.

Dalam hujah penghakiman, Hakim Ghazali menyifatkan tertuduh seorang yang naif sewaktu kejadian selain berperwatakan tidak bersalah.

Katanya, ia berdasarkan perlakuan tertuduh yang kali pertama tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan transit dari Shanghai, China menuju ke Melbourne, Australia.

“Melalui keterangan bersumpah dilakukan tertuduh menyatakan mengikut penumpang lain melalui laluan transit dan meletakkan beg yang tidak diketahuinya berisi dadah di mesin pengimbas secara sukarela walaupun tidak diminta oleh Jabatan Kastam.

“Siasatan pegawai penyiasat kes juga tidak lengkap kerana gagal mengemukakan rekod panggilan masuk dan khidmat pesanan ringkas menerusi telefon bimbit tertuduh serta rakaman televisyen litar tertutup sewaktu kejadian,” katanya.

Ghazali turut memerintahkan proses pengusiran pulang tertuduh ke negara asal dilakukan oleh Jabatan Imigresen.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1 (CPP1), KLIA pada pukul 3.40 petang, 7 Disember 2014.

Bagi kesalahan tersebut, dia didakwa di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen



MARIA ELVIRA lega selepas dibebaskan dan dilepaskan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam atas pertuduhan mengedar dadah jenis syabu seberat 1.5 kilogram tiga tahun lalu.

39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen

39B(2) akta yang sama. Jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung

sampai mati.

Tertuduh yang merupakan mangsa *love scam* dan pernah bekerja di sebuah badan bukan kerajaan di Timor Leste diperdaya menjadi kelalai dadah oleh seorang lelaki dikenali Kapten Daniai Smith yang didakwa bertugas di unit khas tentera Amerika Syarikat di Afghanistan setelah bercinta selama dua tahun melalui internet.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Kastam Malaysia, Nadiah Isa manakala tertuduh diwakili peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Sementara itu, Maria yang ditemui ringkas berkata: “Saya gembira.”